

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
Kempen “CIMB Visa Infinite Extra Bonus Points” Julai 2025 - Jun 2026

1. Kempen “**CIMB Visa Infinite Extra Bonus Points**” Julai 2025 - Jun 2026 (“**Kempen**”) adalah dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [No Pendaftaran: 197201001799] (“**CIMB**”).

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari 1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2026, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”). Tempoh Kempen dengan selanjutnya dibahagikan kepada empat belas (14) bulan kempen (“**Bulan Kempen**”) seperti di bawah:

Bulan Kempen	Jangka Masa
Julai 2025	1 Julai 2025 – 31 Julai 2025
Ogos 2025	1 Ogos 2025 – 31 Ogos 2025
September 2025	1 September 2025 – 30 September 2025
Oktober 2025	1 Oktober 2025 – 31 Oktober 2025
November 2025	1 November 2025 – 30 November 2025
Disember 2025	1 Disember 2025 – 31 Disember 2025
Januari 2026	1 Januari 2026 – 31 Januari 2026
Februari 2026	1 Februari 2026 – 28 Februari 2026
Mac 2026	1 Mac 2026 – 31 Mac 2026
April 2026	1 April 2026 – 30 April 2026
Mei 2026	1 Mei 2026 – 31 Mei 2026
Jun 2026	1 Jun 2026 – 30 Jun 2026

3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis yang tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan yang merupakan **pemegang kad kredit utama** yang memegang dan berbelanja dengan **Kad Kredit CIMB Visa Infinite** (“**Kad Layak**”) yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia. Selepas ini dirujuk sebagai “**Peserta Layak**”.
5. Pendaftaran tidak diperlukan untuk menyertai dalam Kempen ini.

Mekanik dan Syarat-Syarat Kempen

6. “**Mata Bonus**” merujuk kepada mata yang dianugerahi kepada Peserta Layak untuk Transaksi Layak (seperti yang ditakrif di bawah Klausa 8 di sini) yang dikenakan kepada Kad Layak.

7. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini, Peserta Layak akan layak mendapat sehingga 15,000 Mata Bonus setelah memenuhi Syarat Kelayakan semasa Bulan Kempen seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah dan tertakluk kepada had Mata Bonus dalam klausa 9.

Jadual 1: Syarat Kelayakan untuk berhak kepada Mata Bonus				
Peringkat	Syarat Perbelanjaan Bulanan¹ (RM)	Cara Pembayaran Balik Bulanan yang Layak kepada Kad Layak	Mata Bonus CIMB	Had Mata Bonus CIMB setiap Bulan Kempen
1	Minimum RM3,000 – RM4,999.99 bagi Transaksi Layak	Pembayaran Balik Bulanan kepada Kad Layak mestilah dibuat melalui Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i CIMB	7,500 Mata Bonus bagi setiap Peserta Layak untuk Bulan Kempen	20,000,000
2	Minimum RM5,000 dan ke atas bagi Transaksi Layak		15,000 Mata Bonus bagi setiap Peserta Layak untuk Bulan Kempen	60,000,000

8. “**Transaksi Layak**” hendaklah bermaksud transaksi pembelian untuk barangan dan/atau perkhidmatan dengan Kad Layak termasuk pembelian dalam talian untuk barangan dan perkhidmatan yang ditanggung bagi penggunaan peribadi dan bukan bagi perniagaan dan tidak termasuk perjudian atau pertaruhan atau sebarang transaksi pelaburan. Bagi mengelakkan keraguan, transaksi berikut dikecualikan secara nyata dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak:
- Pemindahan Baki, *Cashlite*, Penukaran Baki, Pelan Pembayaran Flexi atau apa-apa ansuran bulanan di bawah apa-apa kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB;
 - Pembayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj penipuan atau apa-apa fi, caj atau penalti lain sama ada dikenakan oleh CIMB atau selainnya;
 - Transaksi pendahuluan/pengeluaran/deposit tunai;
 - Transaksi JomPAY, FPX, dan/atau Duitnow QR;
 - Transaksi perbelanjaan yang kemudiannya dibatalkan atau dikembalikan, dipertikaikan, transaksi tanpa kebenaran atau penipuan;
 - Transaksi e-dompet di bawah MCC 6540 yang ditetapkan; dan
 - Transaksi dengan perihalan pedagang termasuk “FoneApp”, “Kiplepay”, “Lazada Topup”, “Razer”, atau “ShopeePay”.

Sebarang penentuan oleh CIMB berkenaan apa yang merupakan Transaksi Layak hendaklah konklusif dan tidak boleh dicabar dalam apa cara jua melainkan yang sama kelihatan terlampau tidak adil atau tidak saksama.

9. Mata Bonus dihadkan pada maksimum 15,000 Mata Bonus bagi setiap Peserta Layak, setiap bulan kempen, tertakluk kepada had bulanan 20,000,000 Mata Bonus untuk Peringkat 1 dan had

bulanan 60,000,000 untuk Peringkat 2. Mata Bonus akan dianugerahkan kepada Peserta Layak yang memenuhi Syarat Kelayakan atas dasar siapa cepat, dia dapat (*first-come, first-served*), tertakluk pada kebolehsediaan.

10. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang transaksi yang dilakukan ke atas kad kredit tambahan Kad Layak tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak dan tidak akan dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada syarat perbelanjaan bulanan.
11. Transaksi Layak luar negara akan dikira berdasarkan Ringgit Malaysia (RM) setara dengan jumlah transaksi yang akan ditukar pada kadar petukaran semasa yang ditentukan oleh CIMB atas budi bicara mutlaknya.
12. Semua Transaksi Layak akan dijejaki secara automatik oleh CIMB untuk tujuan memenuhi Syarat Kelayakan Peserta Layak. Penjejakan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan/atau masa transaksi (waktu Malaysia) seperti yang dirakam oleh rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
13. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan dalam pengeposan Transaksi Layak kepada Kad Layak Peserta Layak dan/atau kesilapan atau peninggalan dalam pengeposan yang sama atas apa sebab jua dan walau bagaimanapun timbul termasuk tetapi tidak terhad kepada kelewatan pihak peniaga melainkan yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau dan/atau keingkaran CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan dan/atau kesilapan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti Transaksi Layak dan/atau pengeposan Transaksi Perbelanjaan Layak kepada Kad Layak Peserta Layak melalui Visa, pertubuhan peniaga atau mana-mana pihak lain melainkan yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran CIMB.
14. Akaun Semasa/Simpanan/-i ("CASA/-i") CIMB dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Mata Bonus Kempen dan Proses Pemenuhan Kriteria

15. Peserta Layak yang memenuhi syarat dalam klausa (7) hingga (10) akan memperolehi Mata Bonus (dihadkan pada maksimum 15,000 Mata Bonus bagi setiap Peserta Layak, bagi setiap bulan kempen, tertakluk kepada had bulanan yang dinyatakan dalam jadual 1, atas dasar siapa cepat, dia dapat (*first-come, first-served*)) dikreditkan kepada Kad Layak dan dicerminkan dalam penyata semasa Tempoh Pemenuhan.

Ilustrasi Kelayakan untuk bulan Julai 2025:

Peserta Layak	Jumlah Transaksi Layak dalam Bulan Kempen Julai 2025 (RM)	Cara Pembayaran Balik Bulanan kepada Kad Layak	Kelayakan Mata Bonus
A	2,500	Pembayaran balik melalui CIMB CASA/-i	Tidak layak
B	4,999	Pembayaran balik melalui CIMB CASA/-i	Layak – Peringkat 1

C	5,000	Pembayaran balik melalui CIMB CASA/-i	Layak – Peringkat 2
D	8,000	Pembayaran balik melalui CASA/-i bukan CIMB	Tidak layak

16. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini, Mata Bonus bulanan akan dikreditkan ke dalam akaun kad utama Peserta Layak dalam tempoh lapan (8) minggu selepas tamat setiap Bulan Kempen.
17. Sebarang penentuan oleh CIMB berkenaan pengiraan dan jumlah Mata Bonus hendaklah konklusif dan tidak boleh dicabar oleh Peserta Layak dalam apa cara jua, melainkan kesilapan jelas. Mata Bonus tidak boleh ditukar dengan hadiah atau ganjaran lain yang mempunyai nilai setara atau sebarang alternatif lain dalam sebarang keadaan.
18. Pada masa pemenuhan Mata Bonus kepada Peserta Layak, akaun Kad Layak Peserta Layak MESTILAH TIDAK delinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan dalam definisi CIMB, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada penyertaan atau daripada menerima Mata Bonus.
19. Peserta Layak yang berhak untuk menerima Mata Bonus akan dapat melihat amaun Mata Bonus dalam penyata bulanan kad kredit Peserta Layak berikutnya selepas pengkreditan Mata Bonus telah dilakukan oleh CIMB.
20. CIMB tidak akan melayan sebarang aduan jua berkenaan dengan Mata Bonus dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara jua berkenaan dengan apa-apa kegagalan teknikal atau apa-apa jenis, campur tangan, gangguan dan/ atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Kad Layak melainkan jika yang sama disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

21. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
 - a) dikehendaki membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - c) mengesahkan bahawa terma-terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d) bersetuju kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Peserta Layak kepada CIMB menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:

- (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) apa-apa faktor di luar kawalan munasabah CIMB.
- 22. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau Mata Bonus akan dilucutkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Mata Bonus:
 - a) Peserta Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbirkan Kad Layak;
 - b) Kad Layak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau
 - c) Kad Layak adalah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
- 23. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah:
 - a) mengganggu penyertaan; dan/atau
 - b) bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- 24. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:-
 - (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.
- 25. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampungan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:
 - a) Penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) Sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") atau *eDM* oleh Peserta Layak

melainkan kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
- 26. a) CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:
 - (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau

- (iii) iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - (iv) melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b) Pindaan ini akan dianggap mengikat Peserta Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
- c) Sekiranya perubahan tersebut diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta/Pelanggan Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
- d) Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti sebarang perubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
27. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, kos atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
28. Peserta Layak akan menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan bahawa CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- a) penyertaan dalam Kempen; dan/atau
 - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Mata Bonus; dan/atau
 - c) kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini oleh Peserta Layak.
29. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
- a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
30. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia berkenaan lain di mana CIMB tertakluk.
31. Sekiranya CIMB tidak menjalani hak yang dimilikinya di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ia tidak akan menghalang CIMB daripada menjalani hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa hadapan.
32. a) Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("CRU") bagi sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:
- Alamat: CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan (CRU),
Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan

No Telefon: +603 - 6204 7788

E-mel: contactus@cimb.com

- c) CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
33. Laman web CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman web lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan Layak terklík pada Pautan Pihak Ketiga, Pelanggan Layak memahami bahawa mereka telah mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Peserta Layak.